



**UNIT PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN  
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Pembekal dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan / perkhidmatan berikut :-

Bil	Butir-Butir Tawaran	Tajuk Kerja	Kementerian Kewangan / Tajuk Kod
1	No. Sebutharga : <b><u>MPK/599/201/SH-P/15-23</u></b>	<b>Perkhidmatan Pembersihan Dan Membaikpulih Permukaan Dinding, Mengecat Bangunan Dan Melukis Mural Di Laman Kreatif, Laman Pesona, Laman Warna (Rumah Kedai Jalan Mersing &amp; Lorong Belakang Public Bank Kluang), Pekan Kahang Dan Laman Kembara Paloh, Kluang, Johor</b>	Kementerian Kewangan – Tajuk Kod : <b>221401</b> –Bangunan/Hiasan Dalaman <b>ATAU</b> <b>221402</b> – Hiasan Jalan/Kawasan <b>ATAU</b> <b>222005</b> – Mereka-Cipta dan Seni Halus

2. Pembelian Dokumen Sebutharga boleh dibuat mulai **25 September 2023 hingga 02 Oktober 2023** pada waktu operasi pejabat di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma Majlis Perbandaran Kluang.

3. Penyebutharga diwajibkan membawa dokumen berikut semasa urusan pembelian Dokumen Sebutharga :-

- **Sijil SSM yang masih sah**
- **Sijil KKM (Kementerian Kewangan) yang masih sah**

Penyebutharga juga diwajibkan mempunyai **alamat email yang sah** dan hendaklah dinyatakan dengan jelas pada Jadual Dokumen Pembelian yang disediakan. Dokumen sebutharga akan di e-mail dalam tempoh 24 jam dari tarikh pembelian. Sekiranya dokumen sebutharga tidak diterima selepas 24 jam, sila maklumkan kepada pihak kami melalui e-mail [unitperolehanmpk@gmail.com](mailto:unitperolehanmpk@gmail.com) pada kadar segera.

4. Dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM 50.00** senaskah (sila sediakan nilai bayaran yang secukupnya, pembayaran yang lebih atau kurang daripada harga Dokumen Sebutharga tidak akan diterima). **Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpalang (*postal order*) dan dibayar atas nama “YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG”.**

5. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma MPK sebelum atau pada tarikh tutup tawaran iaitu **02 Oktober 2023 (Isnin) jam 12.00 tengah hari**. Sebutharga yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan. Majlis ini tidak terikat untuk menerima sebarang Sebutharga atau Sebutharga terendah dan keputusan Lembaga Sebutharga adalah muktamad

6. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Tarikh Iklan: 25 September 2023